

PERKUKUH UKHUWAH, JERNIHKAN HUBUNGAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِجَاكُمْ^ط وَأَصْبِرُوا^ع إِنَّ اللَّهَ مَعَ

الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾ (Surah Al-Anfal, ayat 46)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

KAUM MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT, dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kemuliaan di sisi Allah SWT selain beroleh jalan keluar dari pelbagai kesusahan dan beroleh rezeki dari sumber yang tidak disangka-sangka. Firman Allah SWT:

...وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ﴿٢١﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ...

Maksudnya: "...Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (daripada segala perkara yang menyusahkannya) serta memberinya rezeki daripada jalan yang tidak terlintas di hatinya..." (S. At-Talaq: 2-3).

HADIRIN JEMAAH YANG MULIA,

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dipertemukan sekali lagi dengan bulan Syawal nan barakah ini, sekali gus merayakan Aidilfitri mulia. Namun demikian, adalah diharapkan agar segala pengalaman dan pengajaran berguna yang diperolehi daripada bulan Ramadan yang baru berlalu pergi terus dilestarikan dan dipulihara.

la termasuk segala nilai serta semangat mulia dan terpuji yang terjana sewaktu berpuasa, bersahur, berbuka, bersolat tarawih, bertadarus membaca al-Quran, berzikir, beristighfar, menyantuni golongan kurang bernasib baik dan sebagainya.

Hikmahnya adalah untuk memastikan terus tertegaknya hubungan dengan Allah SWT selaku Pencipta alam semesta dan pada masa yang sama memastikan hubungan sesama manusia terus harmoni. Gabungan kedua-dua unsur yang terbit daripada hikmah puasa Ramadan ini berupaya mengelakkan manusia daripada petaka kehinaan, kehancuran dan perpecahan.

Dengan kata lain, diri yang telah kembali suci bersih hasil tarbiah puasa sebulan tidak harus dicemarkan semula dengan amalan-amalan atau perbuatan-perbuatan yang menyalahi syariat serta dibenci Allah SWT. Status telah kembali fitrah sewajarnya disyukuri dan dihargai dengan iltizam serta kesungguhan untuk terus menggilap iman dengan meningkatkan amal ibadat dari segi kuantiti dan kualitinya. Amal ibadat yang banyak dan berkualiti dapat menjana suatu natijah akhlak yang terpuji bagi mencapai kemuncak darjat ketaqwaan yang sebenar di sisi Allah SWT.

Jika ini dapat diterjemahkan dalam kehidupan seharian, maka ia akan mengupayakan diri tergolong sebagai orang yang Berjaya. Sebaliknya, jika keadaan diri yang suci bersih tidak dihargai dengan kembali melakukan dosa dan maksiat, maka ia akan menyebabkan diri tergolong sebagai orang yang rugi dan hampa. Hal ini diperingatkan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿١﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿٢﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).*” (S. Asy-Syams: 9-10).

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Antara nilai mulia dan terpuji yang disemai dan dibaja sepanjang puasa Ramadan termasuklah nilai ukhuwah atau persaudaraan dan semangat jemaah. Walaupun keturunan berbeza, tahap ekonomi tidak sama, bahasa dan warna kulit yang pelbagai, namun umat Islam tetap bersatu dalam melaksanakan ibadah wajib dan sunat kerana diikat dengan akidah Islamiah yang satu. Akidah Islamiah mempertautkan ukhuwah dan menjernihkan hubungan kerana patuh kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Dan faktor inilah yang menyumbang kepada kekuatan dan kegemilangan umat Islam dahulu.

Oleh hal yang demikian, betapa perlunya kita semua menyuburkan dan lestarikan nilai serta semangat persaudaraan ini di kalangan keluarga, jiran tetangga dan masyarakat. Segala bentuk tembok pemisah yang selama ini menjadi penghalang kepada pengukuhan ukhuwah dan penyatuan ummah mesti dirobohkan. Ini bertepatan dengan penegasan Allah SWT bahawa orang yang beriman dan Islam adalah bersaudara, sebagaimana firman-Nya:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوِيكُمْ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu, dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*” (S. Al-Hujurat: 10).

Justeru, persaudaraan dalam Islam bukan sekadar hubungan biasa setakat bertegur sapa dan bersalam-salaman, akan tetapi turut merasakan permasalahan atau kesusahan yang dihadapi oleh saudara seagamanya yang lain.

Dan, respon yang diberikan untuk membantu orang lain menangani permasalahan yang dihadapi melambangkan jalinan ukhuwah yang tertanam di dalam hati seorang Muslim sejajar mafhum hadis Rasulullah SAW:

“Perumpamaan orang mukmin itu dari sudut kasih sayang ialah seumpama satu jasad yang apabila sakit satu anggota badan, seluruh anggota lainnya akan turut merasa sakit dan berjaga malam.” (HR Al-Bukhari dan Muslim).

Ini bermakna, pucuk pangkal ukhuwah Islamiah ialah keprihatinan sosial, yakni lebih mengutamakan kepentingan jemaah. Suatu pengorbanan yang mulia, yang tidak memikirkan kepentingan diri sendiri, tetapi mementingkan kemaslahatan bersama mengingat bahawa Rasulullah SAW ada menegaskan dalam sabdanya yang bermaksud:

“Tidak sempurna iman seseorang dalam kalangan kamu sehinggalah dia mencintai saudaranya seperti dia mencintai dirinya sendiri.” (HR al-Bukhari dan Muslim).

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Dalam hadisnya yang lain, Rasulullah bersabda, maksudnya: *“Ibarat seorang mukmin dengan mukmin yang lain adalah seumpama sebuah binaan yang terdiri daripada bahan binaan yang saling sokong menyokong, lengkap melengkapi antara satu sama lain hingga terciptanya sebuah binaan yang tersergam kukuh.”* (HR Al-Bukhari).

Sehubungan dengan sabda Baginda SAW tersebut, maka betapa indahnya jika setiap Muslim memelihara dan mengamalkan prinsip-prinsip ukhuwah Islamiah. Ini kerana nilai serta semangat ukhuwah menjana perasaan kasih sayang, cinta dan penghormatan mendalam terhadap sesama Islam. Bilamana nilai ukhuwah Islamiah ini diamalkan dan menjadi sebahagian daripada rutin kehidupan kita, maka ia akan menjadi pemangkin kepada kekuatan, kejayaan dan kecemerlangan ummah dan negara.

Ini adalah isyarat jelas betapa pentingnya kita semua menyubur dan memulihara ukhuwah atau persaudaraan di kalangan umat Islam pada setiap masa dan tempat. Dalam hubungan ini, kita sebagai umat Islam wajib menghayati dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dengan tunduk dan patuh mengerjakan semua suruhan Allah SWT dan menjauhi semua yang dilarang-Nya bagi mempertingkatkan keimanan mencapai darjat muttaqqin. Ini kerana, hanya keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT sahaja satu-satunya tenaga penggerak atau sumber kekuatan menyatupadukan ummah, bukannya harta benda dan imbuhan duniawi lainnya.

Firman Allah SWT:

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَّا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ
أَلَّفَ بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: *“Dan Dialah (Allah) yang menyatupadukan di antara hati mereka (yang beriman). Kalauah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatupadukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatupadukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.”* (S. Al-Anfal: 63).

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT mempertautkan hati orang mukmin dalam jalinan ukhuwah berasaskan keimanan. Jalinan ukhuwah tidak akan dapat disemarakkan dan diperkukuhkan meski manusia menghamburkan harta benda dan memberikan pelbagai imbuhan duniawi lainnya.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Dalam kerangka memelihara ukhuwah atau persaudaraan, Islam melarang perbuatan menzalimi, mencela dan menganiaya sesama Muslim. Demikian juga Islam melarang penganutnya daripada mengumpat dan mengaibkan orang lain kerana ia akan mencetuskan permusuhan dan kebencian.

Sehubungan itu, bersempena dengan Syawal yang mulia ini, marilah kita pupuk dan suburkan lagi semangat ukhuwah di kalangan masyarakat melalui penganjuran majlis rumah terbuka dan ziarah menziarahi antara satu sama lain sambil bermaaf-maafan. Memohon maaf dan memaafkan antara satu sama lain atas kesalahan dan dosa yang dilakukan dapat mengikis perasaan dendam dan sakit hati, sekali gus menjambatani usaha memperkukuhkan ukhuwah dan menjernihkan semula hubungan khususnya di kalangan masyarakat Islam.

Sama-samalah kita membudayakan amalan memberi dan menjawab salam serta maaf memaafkan bagi melahirkan perasaan kasih sayang dan hormat menghormati dalam kehidupan bermasyarakat. Sesungguhnya sifat memohon maaf dan memberi kemaafan merupakan antara ciri orang yang bertakwa yang beroleh balasan syurga, sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾
الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَبَاطِمْينَ الْغَيْظِ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ
الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾

Yang bermaksud: “Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas seluruh langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa. Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik.” (S. Ali-Imraan: 133-134).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.